

TOPIK : SISTEM SURIA

1. Lengkapkan ayat - ayat di bawah dengan menggunakan perkataan yang disediakan.

meteoroid

Komet

Bulan

Matahari

Bumi

jalur asteroid

- a. _____ yang terbentuk daripada gas-gas merupakan pusat Sistem Suria.
- b. _____ merupakan satu-satunya planet yang mempunyai hidupan kerana mempunyai air dan udara.
- c. Asteroid yang beredar mengelilingi Matahari dalam satu orbit di antara Marikh dan Musytari dikenali sebagai _____
- d. Terdapat berjuta-juta batuan logam kecil yang terapung-apung di angkasa lepas yang dikenali sebagai _____
- e. _____ adalah satu-satunya satelit semula jadi Bumi yang mempengaruhi kejadian air laut pasang dan surut.
- f. _____ merupakan ketulan ais yang mengandungi campuran gas dan debu serta beredar mengelilingi Matahari dalam orbit berbentuk elips yang sangat besar.
2. Jawab soalan-soalan yang berikut.
- a. Apakah nama planet yang paling jauh daripada Matahari ? _____
- b. Apakah nama planet yang paling dekat dengan Matahari ? _____
- c. Apakah nama planet yang paling sejuk ? _____
- d. Apakah nama planet yang mempunyai suhu yang paling tinggi ? _____